

13/10/2003

Pengunjung anggap Dr Mahathir insan istimewa

KUALA LUMPUR: Lebih 11,000 mengunjungi pameran Seribu Wajah Dr Mahathir: Penghargaan Untuk Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara, sejak dipamerkan 6 Oktober lalu.

Pameran rakaman gambar eksklusif Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu berjaya menarik minat rakyat seluruh negara bagi menghargai jasanya sepanjang 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dusuki Ahmad, berkata pameran dua bulan itu bukan saja menarik perhatian rakyat untuk mengetahui peranan dan tugas Dr Mahathir, malah dijadikan saluran mendekati pemimpin itu dengan orang ramai.

"Sebelum Dr Mahathir bersara pada 31 Oktober ini adalah waktu paling penting supaya rakyat menghargai dan menilai sejauh mana jasa kepemimpinannya kepada kemajuan negara.

"Biar semua rakyat tahu tugas sebenar Dr Mahathir sepanjang menjadi Perdana Menteri melalui gambar yang diceritakan secara visual," katanya yang ditemui Berita Harian.

Pameran itu dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail 6 Oktober lalu. Ia anjuran bersama Kementerian Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan media Malaysia sebagai penghormatan kepada Dr Mahathir.

Kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Pulau Pinang, Bahariah Abdullah, 56, pula berkata, lebih ramai generasi muda digalakkan mengunjungi pameran itu bagi meniup semangat patriotisme dalam diri masing-masing.

"Dr Mahathir dianggap paling istimewa dalam sejarah kepemimpinan negara kerana belum pernah diadakan pameran seperti ini kepada Perdana Menteri terdahulu dan jika ada sekalipun hanya galeri selepas mereka bersara," katanya.

Pelajar jurusan seni lukis dari Kolej Intec, Ng Wei Ling, 21, berkata, kreativiti dan nilai seni yang tinggi dapat dilihat menerusi 1,031 gambar yang dipamerkan sepanjang pameran itu.

"Saya paling suka gambar ketika Dr Mahathir dikelilingi rakyat di Perhimpunan Agung Umno 21 Jun lalu kerana ia benar-benar menggambarkan populariti dan kasih sayang rakyat kepada Dr Mahathir," katanya.